

PENILAIAN OUTCOME DANA KAWASAN RUKUN TETANGGA TAHUN 2023

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian Penilaian Outcome Dana Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Tahun 2023 dijalankan bagi menilai keberkesanan penyaluran geran RM50 juta kepada 7,741 KRT aktif di seluruh negara. Penubuhan KRT yang berperanan sebagai institusi akar umbi diperkukuh melalui penyediaan dana tahunan untuk melaksanakan aktiviti perpaduan, sosial dan keselamatan. Kajian ini membincangkan sama ada penggunaan dana tersebut berjaya meningkatkan keaktifan KRT serta memberi manfaat ketara terhadap perpaduan, keselamatan dan kesejahteraan komuniti setempat.

Isu utama yang dikenal pasti ialah kebergantungan KRT kepada dana bagi memastikan kelangsungan aktiviti serta kemampuan melaksanakan program perpaduan dan keselamatan secara konsisten. Ketidalcukupan dana atau pengurusan yang kurang berkesan boleh menjejaskan fungsi KRT sebagai penggerak komuniti. Kajian ini bertujuan menilai keaktifan KRT selepas menerima geran serta mengenal pasti perubahan positif dalam komuniti dari sudut hubungan sosial dan rasa selamat. Skop kajian melibatkan semua KRT aktif yang menerima geran pada tahun 2023 dan meliputi pengurusan, pelaksanaan aktiviti, rondaan SRS serta keberkesanan penggunaan dana di seluruh negara.

Sorotan literatur dalam kajian melibatkan sejarah penubuhan Rukun Tetangga sejak 1975, evolusi fungsinya dan asas undang-undang di bawah Akta Rukun Tetangga 2012. Literatur ini menegaskan bahawa KRT memainkan peranan penting dalam perpaduan, kawalan keselamatan dan kesejahteraan komuniti. Model Transformasi RT (2010) serta Dasar Perpaduan Negara turut menekankan kepentingan interaksi sosial pelbagai kaum, aktiviti silang budaya dan keselamatan kejuruan sebagai asas pembinaan komuniti harmoni. Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa program berasaskan komuniti meningkatkan hubungan sosial dan mengurangkan risiko ketegangan etnik.

Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah campuran (*mixed-method*) yang merangkumi data kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif diperoleh melalui analisis kandungan dan statistik aktiviti KRT serta rondaan SRS, manakala data kualitatif dikumpulkan melalui temubual bersama anggota SRS serta soal selidik komuniti yang menilai rasa selamat dan hubungan sosial. Teknik analisis deskriptif digunakan bagi mengukur pencapaian berbanding sasaran. Kajian dilaksanakan dari Oktober 2024 hingga Februari 2025 meliputi semua negeri, melibatkan 7,741 KRT aktif dan lebih 228,000 rondaan SRS yang direkodkan dalam tempoh kajian.

Kajian mendapati 92.7% KRT aktif mencapai markah kelayakan dan layak menerima dana, menunjukkan peningkatan keaktifan yang konsisten. Namun, jumlah aktiviti KRT ialah 64,720, iaitu 30% lebih rendah daripada sasaran 92,892 aktiviti. Sebaliknya, prestasi rondaan SRS sangat tinggi dengan 228,334 rondaan, mengatasi sasaran 98,520 membuktikan komitmen komuniti terhadap keselamatan kejuruan. Temubual dengan peronda SRS menunjukkan penurunan jenayah, peningkatan hubungan komuniti serta pengukuhan kerjasama dengan PDRM. Selain itu, dapatan soal selidik menunjukkan lebih 95% komuniti merasakan hubungan antara kaum lebih kukuh, manakala program perpaduan seperti Sambutan Minggu Perpaduan meningkatkan kesedaran silang budaya dalam kalangan masyarakat.

Secara keseluruhannya, penyaluran dana KRT 2023 berjaya meningkatkan keaktifan KRT, memperkukuh hubungan sosial dan meningkatkan tahap keselamatan komuniti. Walaupun jumlah aktiviti tidak mencapai sasaran, impak keseluruhan terhadap perpaduan dan kesejahteraan jelas positif, terutama melalui keberkesanan rondaan SRS dan program komuniti. Kajian ini menegaskan keperluan penambahbaikan berterusan dalam aspek perancangan aktiviti, pemantauan dan latihan AJKRT supaya dana dapat dimanfaatkan secara optimum dan memberikan nilai terbaik kepada masyarakat. Dana KRT terus relevan sebagai pemangkin perpaduan dan keselamatan di peringkat akar umbi.